

Praktis dan Penanda Aras Islamisasi Ilmu dalam Kalangan Akademik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
The Practice and Benchmarking of the Islamization of Knowledge among the International Islamic University Malaysia (IIUM) Academic Staff

ARIFIN MAMAT¹,
SUHAILAH HUSSIEN²,
NIK AHMAD HISHAM ISMAIL³

Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur
¹drarifin@iium.edu.my, ²suhailah@iium.edu.my, ³nikahmad@iium.edu.my

Abstrak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ditubuhkan dengan matlamat untuk memenuhi beberapa misi utama, iaitu Islamisasi, Integrasi, Internasionalisasi dan Kecemerlangan Menyeluruh (*Islamization, Integration, Internationalization and Comprehensive Excellence- IIICE*). Justeru, UIAM komited terhadap proses Islamisasi dalam kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini bertujuan mengenal pasti persepsi staf akademik terhadap Islamisasi dan aplikasinya dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta membangunkan penanda aras bagi mengukur tahap perlaksanaan Islamisasi di UIAM. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan, iaitu satu set soal selidik diedarkan kepada responden. Sampel adalah terdiri daripada 306 orang pensyarah dari Kulliyah-kulliyah yang berbeza di UIAM. Statistik deskriptif mudah telah digunakan untuk analisa data yang diperoleh. Kajian mendapati responden mempunyai persepsi positif mengenai Islamisasi di UIAM. Mereka bersetuju bahawa Islamisasi adalah misi penting dan merupakan ciri unik UIAM. Kajian ini juga mendapati bahawa responden telah melaksanakan integrasi kandungan mata pelajaran yang diajar dengan nilai-nilai Islam. Manakala kaedah yang paling kerap digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah melalui kaedah mengemukakan contoh dan bukti. Kajian ini juga menjelaskan bahawa penilaian terhadap perlaksanaan Islamisasi kebanyakannya dilakukan melalui pembentangan pelajar di dalam kelas, manakala produk atau hasil tertinggi Islamisasi adalah tugas para pelajar.

Kata kunci: Islamisasi, Integrasi Ilmu Pengetahuan, UIAM, pendidikan di Malaysia.

Abstract The International Islamic University Malaysia (IIUM) has been established with the aim of fulfilling several important missions, i.e. Islamization, Integration, Internationalization and Comprehensive

Excellence (IIICE). IIUM has always been committed to the Islamization endeavour, particularly in its curriculum, and the teaching and learning process. The study aimed to identify IIUM academic staff's perceptions of Islamization, its application in the teaching and learning process, and to develop indicators to evaluate its implementation. The study employed the survey method, where a set of questionnaire was distributed to the respondents. The sample consisted of 306 lecturers from various kulliyahs in IIUM. Simple descriptive statistic was used to analyse the data. The study found that the respondents have a positive perception of Islamization at IIUM. They agreed that Islamization is an important mission and a unique feature of IIUM. Results of the study showed that respondents perceived that they have integrated their subject content with Islamic values. Meanwhile, the most frequently method used in teaching and learning was providing examples and evidences. The results revealed that the assessment of Islamization was done mostly through students' classroom presentation, while students' assignment was the top product of Islamization.

Keywords: *Islamization, Integration of Knowledge, IIUM, education in Malaysia.*

PENDAHULUAN

Sistem pendidikan di kebanyakan negara Islam adalah diwarisi dari penjajah Barat yang berorientasikan sekular. Sistem pendidikan sekular ini telah bertapak begitu lama dan menjadi sebatи dalam negara-negara Islam. Kesannya, umat Islam telah hilang jati diri dan identiti sebenar mereka (IIIT, 1988). Bagi menyelesaikan masalah ini, konsep pengislamisasian ilmu telah diperkenalkan oleh beberapa sarjana Islam. Antaranya ialah al-Faruqi, al-Attas dan Kamal Hassan. Menurut al-Faruqi (1988:30), ilmu baharu perlu diintegrasikan dengan khazanah Islam melalui pembaharuan, pengubahsuaian, penambahbaikan, pentafsiran dan penyesuaian komponen-komponennya selaras dengan prinsip, nilai dan perspektif Islam.

Oleh itu, pembaharuan dalam pendidikan amat diperlukan. Para sarjana terkenal dalam pembaharuan pendidikan bersetuju bahawa pembaharuan tidak bermakna menggantikan sistem sekular dengan sistem

Islamik tradisional. Sebaliknya, ia perlu berpandu pada Islamisasi Ilmu yang melibatkan penambahbaikan pendidikan Islamik tradisional dan Islamisasi pendidikan moden. Mereka beranggap Islamisasi Ilmu bukan sekadar teori; Ia mesti diperaktikkan mengikut langkah-langkah berterusan sepetimana yang dicadangkan oleh al-Faruqi (1981).

Proses pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk integrasi dan Islamisasi ilmu amat penting. Ia melibatkan tugas pemindahan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan juga mempertingkatkan kebolehan umat manusia. Maka, para pendidik yang menyahut cabaran mengajar dan mengislamisasi ilmu pengetahuan mesti pergi jauh dari amalan konvensional dan amalan Barat. Ashraf (1986) menegaskan mengenai individu yang bersedia untuk menyahut cabaran mengislamisasi ilmu mestilah memiliki sifat dedikasi, bersemangat, berdisiplin, berwawasan dan berfikiran kritis, dan juga berhubungan baik dengan Tuhannya. Kesemua kualiti tersebut membolehkan seseorang itu menjadi contoh pendidik Islam yang menunaikan tanggungjawabnya sebagai pendidik. Pada masa yang sama, kurikulum yang mengambil kira elemen-elemen Islamik perlu digubal dan diaplikasi dalam semua bidang (al-Najjar, 1988). Walau bagaimanapun, masalah utama dalam hal ini adalah tahap kesediaan pendidik untuk melaksanakan proses Islamisasi dalam pengajaran dan pembelajaran terutama bagi mereka yang kurang pengetahuan tentang Islam. Pada masa yang sama, umat Islam juga berdepan dengan cabaran untuk melahirkan profesional yang berpengetahuan agama.

Justeru, penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada Julai 1983 adalah selari dengan tuntutan dan cabaran semasa. Penubuhan UIAM pada peringkat permulaannya adalah sebagai memenuhi salah satu resolusi Persidangan Dunia mengenai Pendidikan Islam kali Pertama yang diadakan di Mekah pada tahun 1977. UIAM ditubuhkan dengan membawa empat misi utama, iaitu Islamisasi, Integrasi, Internasionalisasi dan Kecemerlangan Secara Menyeluruh (IIICE). Oleh itu, UIAM memberi penekanan secara berterusan sejak dari awal penubuhannya lagi terhadap integrasi nilai-nilai Islam dengan bidang-bidang ilmu moden. Islamisasi Ilmu bagi warga akademiknya bukanlah perkara asing lagi, malah menjadi aktiviti rutin di sini. Bahkan, keunikan

inilah yang membezakannya dengan universiti-universiti lain di Malaysia. Suasana terbuka di UIAM menggalakkan ramai sarjana dan kakitangan akademiknya menggunakan pendekatan mereka yang tersendiri ke arah Islamisasi (Ssekamanye *et al.*, 2011).

Kajian ini bertujuan mengenal pasti persepsi kakitangan akademik terhadap Islamisasi di UIAM dan bagaimana mereka melaksanakannya dalam pengajaran dan pembelajaran serta membangunkan penanda aras bagi mengukur tahap perlaksanaan Islamisasi dalam kurikulum universiti.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan untuk mengumpul maklumat berkaitan Islamisasi Ilmu dalam kurikulum serta amalan kakitangan akademik UIAM dalam menjayakan proses Islamisasi. Sampel secara rawak terdiri daripada 306 orang pensyarah-pensyarah dari pelbagai Kulliyyah (Fakulti) telah dipilih (Jadual 1).

Jadual 1 Sampel

| No | Kulliyyah | Jumlah Responden |
|--------------------|---|------------------|
| 1 | Kejuruteraan | 36 |
| 2 | Pendidikan | 30 |
| 3 | Sains | 28 |
| 4 | Perubatan | 24 |
| 5 | Ekonomi | 17 |
| 6 | Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan | 37 |
| 7 | Pergigian | 22 |
| 8 | Seni Bina & Reka Bentuk Alam Sekitar | 15 |
| 9 | Undang-undang | 9 |
| 10 | Sains Kesihatan Bersepadu | 20 |
| 11 | Teknologi Maklumat & Komunikasi | 7 |
| 12 | Pusat Bahasa&Pembangunan Akademik Pra-U | 61 |
| Jumlah Keseluruhan | | 306 |

Kajian ini menggunakan satu set soal selidik untuk mengumpul data. Soal selidik tersebut mengandungi 65 item yang terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A adalah bahagian untuk mendapatkan maklumat

demografi responden. Responden-responden diminta untuk menyatakan: jantina, kulliyyah, kewarganegaraan, jawatan dan tahun berkhidmat. Bahagian B pula terdiri daripada 7 variabel (Jadual 2) iaitu: Percaya dalam Islamisasi Ilmu; Isi Kandungan; Proses Pengajaran dan Pembelajaran; Penilaian; Pegawai Sumber; Produk; Penekanan pada perkembangan positif para pelajar. Item dalam bahagian B1 – B7 diukur menggunakan skala Likert.

Jadual 2 Pembahagian item

| Kod | Variabel | Pembahagian Item | Jumlah Keseluruhan |
|--------------------|---|---|--------------------|
| B1 | Percaya dalam Islamisasi Ilmu | B1.1, 2, 3, 4, 5, 6 and 7 | 7 |
| B2 | Isi Kandungan | B2.1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 and 8 | 8 |
| B3 | Proses Pengajaran & Pembelajaran | B3.1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 and 19 | 19 |
| B4 | Penilaian | B4.1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8 and 9 | 9 |
| B5 | Pegawai Sumber | B5.1, 2, 3, 4, 5 and 6 | 6 |
| B6 | Produk | B6.1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11and 12 | 12 |
| B7 | Penekanan pada perkembangan positif para pelajar | B5.1, 2, 3, 4 and 5 | 5 |
| Jumlah Keseluruhan | | | 65 |

Kajian rintis (*pilot study*) telah dijalankan terhadap 18 orang kakitangan akademik di Pusat Asasi, UIAM. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk menentukan kesahan instrumen yang digunakan dan menguji kebolehpercayaan set item dalam soal selidik. Kebolehpercayaan instrumen dihasilkan menggunakan Alpha Cronbach. Kebolehpercayaan item adalah 0.93, iaitu menandakan instrumen yang digunakan boleh dipercayai. Kesemua item yang digunakan dalam kajian rintis digunakan untuk kajian ini. Statistik deskriptif mudah yang merangkumi frekuensi, peratus dan min telah digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Persepsi Kakitangan Akademik Mengenai Islamisasi Ilmu

Jadual 3 menunjukkan tahap kepercayaan (*belief*) responden-responden terhadap Islamisasi Ilmu di UIAM. Dapatkan menunjukkan hampir 92.2% (n = 282) kakitangan akademik UIAM telah setuju dan sangat setuju bahawa Islamisasi Ilmu adalah misi penting UIAM (Item B1 – 1), hanya 3.6% (n = 11) responden-responden tidak setuju dan sangat tidak setuju. Hampir 90.5% (n = 277) responden-responden setuju dan sangat setuju bahawa Islamisasi adalah proses berterusan di Universiti tersebut (Item B1 – 7), sementara 3.2% (n = 10) responden-responden sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan kenyataan Islamisasi ilmu pengetahuan adalah satu proses yang berterusan untuk UIAM. Selaras dengan itu, mereka juga sangat setuju (50.3%) dan setuju (36.6) bahawa proses Islamisasi merupakan cabaran kepada UIAM (Item B1 – 4). Pada masa yang sama, sekitar 8.5% (n = 26) sangat setuju dan 30.1% (n = 92) setuju dengan kenyataan bahawa Islamisasi ilmu sebagai urusan pihak tertentu di UIAM sahaja. Namun demikian, terdapat peratusan yang tinggi (34.3% (n = 105)), iaitu responden - responden mengekalkan sikap neutral (item B1-6). Dalam tindak balas kepada item B1 – 5 (Saya percaya Islamisasi ilmu adalah misi yang diberi penekanan secara keterlaluan), hanya peratus yang kecil (9.8%, n = 30) dan (21.2 % n = 65) responden - responden sangat setuju dan setuju. Dapatkan ini secara jelas menunjukkan bahawa kakitangan akademik UIAM mempunyai persepsi yang positif terhadap misi Islamisasi Ilmu.

Purata skor min adalah dari 2.89 hingga 4.56. Dapatkan kajian mendedahkan kedudukan tertinggi adalah Islamisasi Ilmu adalah misi penting UIAM (4.56), diikuti dengan cabaran UIAM (4.31); sementara kedudukan terendah adalah Islamisasi diberi penekanan secara keterlaluan(2.89) dan merupakan urusan pihak tertentu sahaja (3.11).

Jadual 3 Saya percaya Islamisasi Ilmu adalah:

| No | Item | | SD | D | N | A | SA | Mean | Std. D |
|----|--|----------|----------|------|------|------|------|------|--------|
| B1 | | | <i>N</i> | 9 | 2 | 13 | 66 | 216 | |
| 1 | Misi penting UIAM | % | 2.9 | .7 | 4.2 | 21.6 | 70.6 | 4.56 | .852 |
| 2 | Pengalaman unik UIAM | <i>N</i> | 12 | 27 | 58 | 109 | 100 | 3.84 | 1.096 |
| 3 | Cerita kejayaan UIAM | % | 3.9 | 8.8 | 19.0 | 35.6 | 32.7 | | |
| 4 | Cabarani UIAM | <i>N</i> | 8 | 17 | 88 | 115 | 78 | 3.78 | .977 |
| 5 | Misi diberi penekanan secara keterlaluan | % | 2.6 | 5.6 | 28.8 | 37.6 | 25.5 | | |
| 6 | Urusan pihak tertentu di UIAM | <i>N</i> | 7 | 6 | 27 | 112 | 154 | 4.31 | .885 |
| 7 | Proses berterusan UIAM | % | 2.3 | 2.0 | 8.8 | 36.6 | 50.3 | | |
| | | <i>N</i> | 44 | 72 | 95 | 65 | 30 | 2.89 | 1.186 |
| | | % | 14.4 | 23.5 | 31.0 | 21.2 | 9.8 | | |
| | | <i>N</i> | 27 | 56 | 105 | 92 | 26 | 3.11 | 1.081 |
| | | % | 8.8 | 18.3 | 34.3 | 30.1 | 8.5 | | |
| | | <i>N</i> | 5 | 5 | 19 | 139 | 138 | 4.31 | .796 |
| | | % | 1.6 | 1.6 | 6.2 | 45.4 | 45.1 | | |

Penanda Aras untuk Penilaian Islamisasi Ilmu

Kajian menunjukkan terdapat empat penanda aras utama untuk mengenal pasti tahap Islamisasi Ilmu dalam kalangan kakitangan akademik UIAM. Penanda aras tersebut adalah: Kandungan mata pelajaran; Proses pengajaran dan pembelajaran; Penilaian Islamisasi Ilmu; dan produk/ hasil Islamisasi Ilmu.

Kandungan Mata Pelajaran

Jadual 4 menunjukkan responden-responden mengamalkan Islamisasi Ilmu terhadap kandungan mata pelajaran. Purata skor adalah dari 2.60 hingga 3.56. Kedudukan tertinggi mendedahkan bahawa responden-responden bersetuju bahawa wujud elemen Islamisasi dalam kandungan mata pelajaran yang mereka ajar (3.56). Walau bagaimanapun, mereka menekankan Islamisasi hanya untuk beberapa minggu sahaja berdasarkan kerangka kursus (3.08). Sementara itu, kedudukan terendah adalah kandungan mata pelajaran saya ‘semua mengenai Islamisasi’ (2.60) dan kandungan mata pelajaran saya ‘menyatakan Islamisasi di hasil pembelajaran sahaja’ (2.61). Dapatkan ini menunjukkan bahawa terdapat elemen Islamisasi dalam kandungan mata pelajaran yang diajar di UIAM.

Jadual 4 Kandungan mata pelajaran saya

| No | Item | | N | S | ST | MT | A | Mean | Std. D |
|----|--|---|------|------|------|------|------|------|--------|
| | | n | 3 | 23 | 113 | 93 | 54 | | |
| | | % | 1.0 | 7.5 | 43.5 | 30.4 | 17.6 | | |
| B2 | 1 Terdapat Islamisasi | | | | | | | | |
| | | n | 3 | 23 | 113 | 93 | 54 | 3.56 | .900 |
| | | % | 1.0 | 7.5 | 43.5 | 30.4 | 17.6 | | |
| 2 | Menekankan Islamisasi untuk beberapa minggu sahaja berdasarkan kerangka kursus | | | | | | | | |
| | | n | 25 | 46 | 136 | 76 | 23 | 3.08 | 1.011 |
| | | % | 8.2 | 15.0 | 44.4 | 24.8 | 7.5 | | |
| 3 | Sukar untuk dilaksanakan Islamisasi | | | | | | | | |
| | | n | 59 | 71 | 116 | 50 | 10 | 2.61 | 1.072 |
| | | % | 19.4 | 23.2 | 37.9 | 16.3 | 3.3 | | |
| 4 | Semua mengenai Islamisasi | | | | | | | | |
| | | n | 65 | 82 | 87 | 53 | 19 | 2.60 | 1.178 |
| | | % | 21.2 | 26.8 | 28.4 | 17.3 | 6.2 | | |
| 5 | DiIslamisasi secara luaran sahaja | | | | | | | | |
| | | N | 38 | 67 | 124 | 67 | 10 | 2.82 | 1.017 |
| | | % | 12.4 | 21.9 | 40.5 | 21.9 | 3.31 | | |
| 6 | Menyatakan Islamisasi di hasil pembelajaran sahaja | | | | | | | | |
| | | n | 66 | 74 | 88 | 66 | 12 | 2.62 | 1.157 |
| | | % | 21.6 | 24.2 | 28.8 | 21.6 | 3.9 | | |
| 7 | Menyatakan Islamisasi dalam strategi penilaian sahaja | | | | | | | | |
| | | n | 47 | 67 | 113 | 65 | 14 | 2.78 | 1.088 |
| | | % | 15.4 | 21.9 | 36.9 | 21.2 | 4.6 | | |
| 8 | Menggunakan Islamisasi dalam latihan dan tugas | | | | | | | | |
| | | N | 43 | 63 | 105 | 70 | 25 | 2.91 | 1.148 |
| | | % | 14.1 | 20.6 | 34.3 | 22.9 | 8.2 | | |

Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Jadual 5 menunjukkan kaedah yang digunakan oleh responden untuk melaksanakan Islamisasi semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Purata skor adalah dari 2.38 hingga 3.73. Tiga kedudukan tertinggi ialah: Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, saya melaksanakan Islamisasi melalui ‘memberi contoh dan bukti’ (3.73), perbincangan (3.68), syarahan dan penerangan (3.63). Sementara itu, tiga kedudukan terendah adalah melalui permainan (2.38), penampalan (potong dan tampal) (2.39) dan secara simulasi (2.63). Dapatan ini menunjukkan bahawa Islamisasi dilakukan melalui kaedah pengajaran yang biasa dan lebih melibatkan kognitif.

Jadual 5 Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, saya melaksanakan melalui Islamisasi

| No | Item | N | S | ST | MT | A | Mean | Std. D |
|----|---------------------------------------|---------------|------|------|------|------|------|--------|
| B3 | Perbincangan | <i>n</i> 1 | 7 | 21 | 98 | 117 | 63 | 3.68 |
| | | % | 2.3 | 6.9 | 32.0 | 38.2 | 20.6 | .952 |
| 2 | Syarahan | <i>n</i> | 6 | 19 | 112 | 115 | 54 | 3.63 |
| | | % | 2.0 | 6.2 | 36.6 | 37.6 | 17.6 | .912 |
| 3 | Bengkel | <i>n</i> | 49 | 46 | 112 | 63 | 36 | 2.97 |
| | | % | 16.0 | 15.0 | 36.6 | 20.6 | 11.8 | 1.213 |
| 4 | Memberi contoh dan bukti | <i>n</i> | 6 | 22 | 82 | 135 | 61 | 3.73 |
| | | % | 2.0 | 7.2 | 26.8 | 44.1 | 19.9 | .928 |
| 5 | Penerangan | <i>n</i> | 8 | 28 | 89 | 126 | 55 | 3.63 |
| | | % | 2.6 | 9.2 | 29.1 | 41.2 | 18.0 | .968 |
| 6 | Pembelajaran berdasarkan permasalahan | <i>n</i> | 30 | 54 | 104 | 81 | 37 | 3.13 |
| | | % | 9.8 | 17.6 | 34.0 | 26.5 | 12.1 | 1.142 |
| 7 | Kumpulan dinamik | <i>n</i> | 32 | 54 | 95 | 93 | 32 | 3.13 |
| | | % | 10.5 | 17.6 | 31.0 | 30.4 | 10.5 | 1.142 |
| 8 | Pendekatan perbandingan | <i>n</i> | 27 | 53 | 88 | 97 | 41 | 3.24 |
| | | % | 8.8 | 17.3 | 28.8 | 31.7 | 13.4 | 1.152 |
| 9 | Soal Jawab | <i>N</i> | 15 | 48 | 101 | 101 | 41 | 3.34 |
| | | % | 4.9 | 15.7 | 33.0 | 33.0 | 13.4 | 1.051 |
| 10 | Dialog | <i>n</i> | 29 | 52 | 92 | 93 | 40 | 3.21 |
| | | % | 9.5 | 17.0 | 30.1 | 30.4 | 13.1 | 1.157 |
| 11 | Forum | <i>n</i> | 65 | 56 | 95 | 60 | 30 | 2.78 |
| | | % | 21.2 | 18.3 | 31.0 | 19.6 | 9.8 | 1.257 |
| 12 | Debat | <i>n</i> | 75 | 61 | 88 | 56 | 26 | 2.66 |
| | | % | 24.5 | 19.9 | 28.8 | 18.3 | 8.5 | 1.263 |
| 13 | Penampalan (potong dan tampal) | <i>n</i> | 91 | 69 | 99 | 30 | 17 | 2.39 |
| | | % | 29.7 | 22.5 | 32.4 | 9.8 | 5.6 | 1.169 |
| 14 | Praktikal & Latihan Industri | <i>n</i> | 75 | 59 | 89 | 52 | 31 | 2.69 |
| | | % | 24.5 | 19.3 | 29.1 | 17.0 | 10.1 | 1.287 |
| 15 | Simulasi | <i>n</i> | 79 | 59 | 85 | 61 | 22 | 2.63 |
| | | % | 25.8 | 19.3 | 27.8 | 19.9 | 7.2 | 1.258 |
| 16 | Main peranan | <i>n</i> | 70 | 50 | 99 | 60 | 27 | 2.75 |
| | | % | 22.9 | 16.3 | 32.4 | 19.6 | 8.8 | 1.253 |
| 17 | Permainan | <i>n</i> | 101 | 63 | 85 | 38 | 19 | 2.38 |
| | | % | 33.0 | 20.6 | 27.8 | 12.4 | 6.2 | 1.253 |
| 18 | Demonstrasi | <i>n</i> | 61 | 56 | 96 | 70 | 23 | 2.80 |
| | | % | 19.9 | 18.3 | 31.4 | 22.9 | 7.5 | 1.214 |
| 19 | Pembelajaran kolaborasi | <i>N</i> | 43 | 57 | 96 | 80 | 30 | 2.99 |
| | | % | 14.1 | 18.6 | 31.4 | 26.1 | 9.8 | 1.186 |

Penilaian Islamisasi Ilmu

Jadual 6 menunjukkan bentuk penilaian yang digunakan oleh responden untuk menilai Islamisasi dalam mata pelajaran yang diajar. Purata skor adalah dari 2.42 hingga 3.34. Kedudukan tertinggi menunjukkan bahawa Islamisasi dinilai melalui pembentangan kelas (3.34), diikuti dengan tugasan kelas (3.09). Sementara, kedudukan terendah adalah dalam perjumpaan akademik (2.42), diikuti dengan praktikum dan latihan industri (2.66). Dapatkan ini menunjukkan bahawa Islamisasi secara umumnya dinilai oleh para pensyarah melalui pembentangan pelajar di dalam kelas dan secara pemberian tugasan kepada pelajar terhadap topik-topik tertentu.

Jadual 6 Penilaian kerja kursus, Islamisasi ditekankan dalam

| No | Item | | N | S | ST | MT | A | Mean | Std. D |
|---------|--------------------------------|----------|------|------|------|------|------|------|--------|
| B4 1 | Tugasan Kelas | <i>n</i> | 34 | 55 | 100 | 84 | 33 | 3.09 | 1.152 |
| | | % | 11.1 | 18.0 | 32.7 | 27.5 | 10.8 | | |
| 2 | Kerja Rumah | <i>N</i> | 54 | 51 | 103 | 71 | 27 | 2.89 | 1.204 |
| | | % | 17.6 | 16.7 | 33.7 | 23.2 | 8.8 | | |
| 3 | Penyediaan tesis | <i>n</i> | 89 | 42 | 85 | 61 | 29 | 2.67 | 1.333 |
| | | % | 29.1 | 13.7 | 27.8 | 19.9 | 9.5 | | |
| 4 | Perjumpaan akademik | <i>n</i> | 104 | 54 | 82 | 47 | 19 | 2.42 | 1.268 |
| | | % | 34.0 | 17.6 | 26.8 | 15.4 | 6.2 | | |
| 5 | Peperiksaan | <i>n</i> | 47 | 53 | 88 | 83 | 35 | 3.02 | 1.233 |
| | | % | 15.4 | 17.3 | 28.8 | 27.1 | 11.4 | | |
| 6 | Pembentangan kelas | <i>n</i> | 25 | 37 | 100 | 96 | 48 | 3.34 | 1.129 |
| | | % | 8.2 | 12.1 | 32.7 | 31.4 | 15.7 | | |
| 7 | Praktikum dan Latihan Industri | <i>n</i> | 85 | 49 | 87 | 56 | 29 | 2.66 | 1.312 |
| | | % | 27.8 | 16.0 | 28.4 | 18.3 | 9.5 | | |
| 8 | Projek | <i>n</i> | 56 | 41 | 99 | 77 | 33 | 2.97 | 1.246 |
| | | % | 18.3 | 13.4 | 32.4 | 25.2 | 10.8 | | |
| 9 | Kerja Kursus | <i>N</i> | 76 | 52 | 91 | 62 | 25 | 2.70 | 1.268 |
| | | % | 24.8 | 17.0 | 29.7 | 20.3 | 8.2 | | |

Produk/Hasil Islamisasi Ilmu

Jadual 7 menunjukkan produk Islamisasi Ilmu dalam kalangan kakitangan akademik UIAM. Purata skor adalah dari 2.36 hingga 3.10. Dapatkan kajian mendedahkan bahawa produk utama dalam Islamisasi adalah tugasan para pelajar (3.10) dan projek para pelajar (3.02). Sementara dua kedudukan terendah adalah buku (2.36) dan prosiding (2.41).

Jadual 7 Produk Islamisasi saya adalah

| No | Item | | N | S | ST | MT | A | Mean | Std. D |
|---------|-------------------|----------|------|------|------|------|------|------|--------|
| B6 1 | Penyelidikan | <i>n</i> | 80 | 40 | 78 | 65 | 43 | 2.84 | 1.390 |
| | | % | 26.1 | 13.1 | 25.5 | 21.2 | 14.1 | | |
| 2 | Perundingan | <i>n</i> | 91 | 53 | 78 | 52 | 32 | 2.61 | 1.344 |
| | | % | 29.7 | 17.3 | 25.5 | 17.0 | 10.5 | | |
| 3 | Artikel | <i>n</i> | 91 | 45 | 68 | 63 | 39 | 2.72 | 1.407 |
| | | % | 29.7 | 14.7 | 22.2 | 20.6 | 12.7 | | |
| 4 | Bab di dalam buku | <i>n</i> | 103 | 45 | 64 | 54 | 40 | 2.62 | 1.440 |
| | | % | 33.7 | 14.7 | 20.9 | 17.6 | 13.1 | | |
| 5 | Buku | <i>n</i> | 133 | 45 | 48 | 46 | 34 | 2.36 | 1.440 |
| | | % | 43.5 | 14.7 | 15.7 | 15.0 | 11.1 | | |
| 6 | Prosiding | <i>n</i> | 117 | 43 | 77 | 42 | 27 | 2.41 | 1.348 |
| | | % | 38.2 | 14.1 | 25.2 | 13.7 | 8.8 | | |
| 7 | Bengkel | <i>n</i> | 99 | 48 | 79 | 57 | 23 | 2.53 | 1.313 |
| | | % | 32.4 | 15.7 | 25.8 | 18.6 | 7.5 | | |
| 8 | Seminar | <i>n</i> | 92 | 51 | 77 | 57 | 29 | 2.61 | 1.337 |
| | | % | 30.1 | 16.7 | 25.2 | 18.6 | 9.5 | | |
| 9 | Persidangan | <i>n</i> | 100 | 45 | 69 | 59 | 33 | 2.61 | 1.390 |
| | | % | 32.7 | 14.7 | 22.5 | 19.3 | 10.8 | | |
| 10 | Tesis | <i>n</i> | 98 | 55 | 59 | 55 | 39 | 2.61 | 1.417 |
| | | % | 32.0 | 18.0 | 19.3 | 18.0 | 12.7 | | |
| 11 | Projek Pelajar | <i>n</i> | 57 | 43 | 79 | 90 | 37 | 3.02 | 1.292 |
| | | % | 18.6 | 14.1 | 25.8 | 29.4 | 12.1 | | |
| 12 | Tugasan Pelajar | <i>N</i> | 49 | 39 | 90 | 89 | 39 | 3.10 | 1.251 |
| | | % | 16.0 | 12.7 | 29.4 | 29.1 | 12.7 | | |

KESIMPULAN

UIAM merupakan perintis dalam Islamisasi Ilmu di Institusi Pengajian Tinggi. UIAM boleh dianggap sebagai model yang telah berusaha untuk melaksanakan misi tersebut dalam kurikulumnya. Kajian ini telah menunjukkan bahawa kakitangan akademik di UIAM mempunyai persepsi yang positif terhadap proses Islamisasi dan menyedari bahawa ia merupakan salah satu daripada misi penting yang dinyatakan secara tersurat oleh UIAM. Kajian menunjukkan terdapat empat penanda aras utama untuk mengenal pasti tahap Islamisasi Ilmu oleh kakitangan akademik UIAM. Penanda aras tersebut adalah kandungan mata pelajaran, proses pengajaran dan pembelajaran, penilaian Islamisasi Ilmu dan produk/hasil Islamisasi Ilmu.

Islamisasi di UIAM dapat dibuktikan melalui kandungan mata pelajaran atau kurikulum yang dinyatakan secara jelas elemen Islamisasi. Responden juga tidak menghadapi kesukaran untuk melaksanakannya dalam proses pengajaran. Dapatkan kajian juga menjelaskan bahawa kakitangan akademik telah menggunakan pelbagai kaedah untuk melaksanakan misi tersebut. Kaedah yang paling popular adalah memberi contoh dan bukti, diikuti kaedah perbincangan dan syarahan. Pada masa yang sama, Islamisasi Ilmu juga telah dinilai oleh responden melalui pelbagai cara; antaranya yang paling kerap ialah pembentangan dan tugas kelas. Sementara itu, produk utama berkaitan Islamisasi adalah tugas dan projek pelajar. Penerbitan dalam bentuk tulisan oleh para pensyarah seperti buku dan artikel berada pada tahap rendah. Secara umumnya, dapatkan kajian menunjukkan majoriti kakitangan akademik di UIAM sangat mendukung misi universiti dan mereka terlibat secara langsung untuk menjayakannya.

Kajian ini memberi impak kepada pihak pengurusan UIAM kerana keempat penanda aras utama yang telah dikenal pasti boleh digunakan sebagai indikator untuk menilai usaha pengislamisasian ilmu dalam kalangan kakitangan akademik UIAM. Selain itu, kajian ini juga telah memberi gambaran sejauh mana misi Islamisasi Ilmu UIAM telah tercapai. Hasil dapatkan kajian ini juga telah menunjukkan kurangnya penerbitan buku dan artikel dalam Islamisasi Ilmu. Kelemahan ini perlu diatasi dengan menggalakkan para pensyarah untuk meningkatkan lagi hasil penulisan mereka khusus dalam bidang pengislamisasian Ilmu. Sehubungan itu, UIAM telah menyediakan dana yang khas untuk usaha Islamisasi Ilmu sama ada dalam bentuk penerbitan mahupun kajian.

Kajian ini juga mencadangkan beberapa perkara untuk penambahbaikan iaitu:

- a. Islamisasi hendaklah diberi penjelasan secara berterusan kepada kakitangan akademik, bukan hanya tercatat di buku sebagai misi utama UIAM.
- b. Latihan mengenai Islamisasi hendaklah dijadikan salah satu topik utama dalam program pembangunan kakitangan.

- c. Proses dan kaedah pelaksanaan Islamisasi perlu jelas agar mudah difahami dan dilaksanakan oleh kakitangan akademik.

RUJUKAN

- al-Faruqi, Ismail Raji. (1981). *Social and natural sciences: The Islamic perspective*. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- al-Najjar, Zaghloul R. (1988). Islamizing the teaching of science: A model in challenge and response. In *Islam: Source and Purpose of Knowledge: Proceeding of the Second International Conference of Islamic Thought*. Herndon, Va.: International Institute of Islamic Thought.
- Ashraf, A. S. (1986). *New horizons in Muslim education*. Cambridge: Islamic Academy.
- International Institute of Islamic Thought (1988). *Islam: Source and Purpose of Knowledge: Proceeding of the Second International Conference of Islamic Thought*. Herndon, Va.: International Institute of Islamic Thought.
- Ssekamanya, Siraje Abdallah, Suhailah. Hussien & Nik Ahmad Hisham. (2011). “The experience of Islamisation of Knowledge at the International Islamic University Malaysia: Successes and challenges.” In *New Intellectual Horizons in Education*. Gombak: IIUM Press.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)

